



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
SAMBUTAN RUMAH TERBUKA GAWAI@KKR 2025**

**18 JUN 2025 | KHAMIS | 2.30 PETANG
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID
KOMPLEKS KERJA RAYA**

<<< **Salutasi akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan**>>>

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Salam Segulai Sejalai.

1. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk **mengucapkan rasa syukur** kerana dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini untuk meraikan Sambutan Rumah Terbuka Gawai@KKR 2025.
2. Dua perkara yang membuat saya teruja hari ini –
 - (a) Pertama, **inilah pertama kali Sambutan Gawai Dayak diadakan di KKR dan di Kuala Lumpur** dalam skala yang tidak besar tetapi cukup meriah;
 - (b) Kedua, saya teruja kerana **Pesta Gawai Dayak pada hari ini di KKR telah menerima kehadiran tetamu yang diraikan iaitu YAB Perdana Menteri**, YAB Timbalan Perdana Menteri dan barisan kepimpinan tertinggi negara.
3. Yang Amat Berhormat, izinkan saya mengambil kesempatan dalam detik bersejarah ini untuk **merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih** kepada YAB Perdana

Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri serta barisan kepimpinan tertinggi negara yang **sudi meluangkan masa untuk bersama-sama warga besar Kerja Raya** dalam majlis yang penuh kebudayaan dan semangat perpaduan ini.

4. Di KKR ini, tidak sah kalau tidak kita iringkan ucapan dengan pantun kerana ia telah jadi suatu amalan di sini:

*Burung Kenyalang, di hutan hujan,
“Jalak Borneo”, gelaran diberi,
Gawai disambut gemilang, eratkan perpaduan,
Semoga negara aman, terus diberkati,*

5. Sambutan Gawai Dayak merupakan **detik istimewa bagi masyarakat dayak – khususnya kaum Iban dan Bidayuh – dalam menyambut musim menuai dan sebagai tanda kesyukuran atas hasil tuaian**. Lebih daripada itu, ia adalah **manifestasi budaya dan warisan** yang terus mekar serta perlu bersama-sama kita raikan dan lestarikan bersama.

YAB Perdana Menteri, barisan Menteri Kabinet dan para hadirin yang
diraikan,

6. Sebagai anak jati Sarawak dan mewakili komuniti Dayak dalam Kabinet Persekutuan, saya amat terharu melihat bagaimana Gawai kini turut diraikan di peringkat nasional. **Rumah Terbuka Gawai@KKR ini adalah medan untuk memperkenalkan kekayaan budaya etnik Dayak** kepada kementerian dan rakyat berbilang kaum, budaya, etnik dan agama.
7. Kepelbagaian ini merupakan **satu sumber kekuatan untuk kita raikan, bersatu dalam kepelbagaian dan membina sebuah Negara Bangsa**. Inilah yang selalu diingatkan oleh Akik saya, Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng –

“Memang kita akui Malaysia ada pelbagai etnik tapi jangan hal itu dijadikan punca kejadian buruk berlaku terhadap kita. Kita sepatutnya meraikan perbezaan itu supaya kita dapat bersama membela dan membina Malaysia ini”.

8. Ia juga selaras dengan **hasrat Kerajaan untuk melahirkan Masyarakat Malaysia MADANI** yang sentiasa hormat-

menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban yang diseliputi sifat ihsan.

9. Izinkan saya juga **berucap sedikit dalam bahasa Iban** –

*Hari Gawai Dayak diintu setaun sekali alai nanda ka abis
musim ngetau. Semua bala ti gawa ba KKR tauka JKR,
CIDB enggau LLM ti bansa Dayak, tu meh maia kitai
ngerami, mantaika pemakai sereta main asal bansa Iban
ngagai kaban kita ka bansa lain. Diatu aku deka meri pantun
nyambut gawai –*

*Indu bajik betanda, ngangkat ka kaki,
Bujang sigat ngajat, jari ngepai-ngepai;
Aram meh kita, nyambut gawai,
Sekali setaun, begempuru begulai.*

10. Sekali lagi, saya mengambil kesempatan ini untuk **mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat** dalam penganjuran Sambutan Rumah Terbuka Gawai@KKR 2025 – terutamanya warga besar Kerja Raya yang komited dalam memartabatkan penghayatan kepelbagaian budaya di negara ini.

11. Akhir kata, saya mengajak semua yang hadir pada hari ini untuk terus menyemai semangat harmoni, saling menghormati dan memperkukuhkan jalinan perpaduan – demi Malaysia yang lebih maju, inklusif dan sejahtera.

12. Seperti bahasa *hipster* yang popular sekarang “**SEBARKAN KASIH SAYANG, KUBURKAN KEBENCIAN**”.

Selamat Menyambut Hari Gawai Dayak 2025!

Ngagai semua kitai ka bebansa Dayak. Gayu Guru Gerai Nyamai, Senang Lantang Nguan Menua. Ohhhhaaaaaaaa...

Sekian, Terima Kasih.